

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

SOALAN

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah dan dasar untuk mengawal pekerja asing dalam sektor perindustrian dan sektor lain supaya tidak berlaku diskriminasi kepada pekerja tempatan berdasarkan hak keutamaan untuk mendapatkan pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan dalam usaha mengurangkan kebergantungan kepada guna tenaga asing, Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah seperti yang berikut:

- (i) menetapkan had penggajian pekerja asing di Malaysia tidak melebihi 15% daripada jumlah guna tenaga Negara pada tahun 2020 sepertimana yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11;
- (ii) menggalakkan sektor-sektor berintensifkan buruh beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi. Langkah ini dapat membantu negara mencapai sasaran melahirkan 35% pekerja mahir di Malaysia menjelang tahun 2020;

SOALAN NO : 392

- (iii) penggajian pekerja asing dari mana-mana Negara sumber hendaklah berdasarkan kepada keperluan sebenar industri dan sektor-sektor yang dibenarkan sahaja (*real industrial demand*);
 - (iv) syarat-syarat permohonan pekerja asing diperketatkan dari segi penetapan nisbah pengambilan berdasarkan komposisi pekerja tempatan dan pekerja asing;
 - (v) Jabatan Tenaga Kerja (JTK) akan membuat saringan bagi memastikan hanya majikan yang berkeupayaan (*genuine*) dan mematuhi standard perburuhan seperti pematuhan gaji minimum, menyediakan kemudahan kediaman berserta kemudahan asas dan tiada rekod pelanggaran kes buruh sahaja dipertimbangkan memohon pekerja asing;
 - (vi) menyediakan *exit policy* penggajian pekerja asing melalui pelaksanaan pelan latihan kemahiran kepada pekerja warganegara, memberi keutamaan kepada mekanisme *Industrialised Building System* (IBS) dalam sektor pembinaan, peralihan kepada intensif automasi dan mekanisasi, restoran berkonsepkan *self-service* dan sebagainya.
2. Pada masa yang sama, keutamaan kepada pekerja tempatan sentiasa didahulukan dalam pekerjaan berdasarkan inisiatif Kerajaan seperti berikut:
- (i) majikan dikehendaki untuk mengiklankan kekosongan sesuatu jawatan dalam Portal *JobsMalaysia* bagi memastikan kekosongan jawatan ditawarkan kepada pencari kerja tempatan terlebih dahulu;

SOALAN NO : 392

- (ii) kolaborasi antara JTK dengan majikan melalui Program Penempatan Pekerjaan (3P) untuk penawaran peluang pekerjaan kepada pencari kerja tempatan;
 - (iii) memperkenalkan Sistem Latihan *Dual* Nasional untuk menyediakan tenaga kerja mahir negara melalui kaedah latihan industri yang komprehensif dan terkini bagi memastikan kemahiran tenaga kerja dipertingkatkan;
 - (iv) pembiayaan latihan di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad melalui caruman levi majikan untuk melatih semula pekerja bagi meningkatkan kemahiran serta kepelbagaiannya kemahiran pekerja; dan
 - (v) cadangan untuk melaksanakan *Multi-tier Levi* yang mana pengambilan pekerja asing adalah berdasarkan *Dependency Ratio Ceiling* (DRC) iaitu nisbah antara pekerja tempatan dan pekerja asing.
3. Kesimpulannya, Kerajaan sememangnya sentiasa memastikan pekerja tempatan diberi keutamaan dalam peluang pekerjaan dan pada masa yang sama, Kerajaan juga sedang meneliti pelbagai aspek dalam pengurusan pengambilan pekerja asing secara holistik supaya lebih sistematis dan berintegriti.